

16 JAN 2001

MESYUARAT MT UMNO DI MELAKA PADA ISNIN

MELAKA, 16 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno akan mengadakan mesyuaratnya di Graha Umno Melaka di sini pada Isnin ini, kali kedua ia berlangsung di luar ibu negara.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual mempengerusikan mesyuarat itu bermula 3.30 petang.

"Ini adalah kali kedua mesyuarat MT diadakan di luar ibu negara selepas Ipoh pada tahun lepas dan kami berbangga penghormatan yang diberikan kepada Badan Perhubungan Umno Melaka sebagai tuan rumah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohd Ali berkata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan merasmikan Graha Umno di Jalan Hang Tuah pada 2.30 petang.

Bangunan setinggi lapan tingkat di tengah bandar Melaka berharga RM12 juta, beroperasi sejak April lepas dan menempatkan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Mohd Ali berkata bahawa selepas mesyuarat MT itu, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno Melaka pada 6 petang.

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan di kediaman Ketua Menteri di Seri Bendahara di Peringgit, dekat sini bersama lebih 1,000 tetamu.

Beliau akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas majlis itu.

-- BERNAMA

NO MAI